

Projek jalan punca Klang sesak

SAYA tertarik dengan berita di ruangan Sentral akhbar ini, 28 September lalu bertajuk bertajuk 'Kesesakan Jalan Tengku Kelana undang keresahan' dan 'Jambatan Kota, Bulatan 100 sesak'. Sebenarnya bagi penduduk yang menetap di Bandar Klang, kami sudah bosan dan mual dengan kesesakan di bandar ini.

Banyak masa dan belanja terbuang disebabkan kesesakan ini. Malah, lebih menyedihkan, kehilangan kemesraan saudara dan taulan kerana enggan berkunjung ke rumah sebab serik 'didera' kesesakan. Peluang urus niaga juga boleh hancur dengan kesesakan ini.

Saya dapati kesesakan dari arah Jambatan Kota ke Kuala Lumpur, berpunca daripada pembinaan menaik taraf Jalan FT 5 Kapar-Klang tidak diselaras secara profesional. Dari tiga lorong jadi dua hingga menjadi satu lorong saja.

Pembinaan di kiri kanan jalan ini dilakukan serentak. Keadaan ini sudah lebih sebulan mengganggu aliran trafik, terutama di pagi hari, pemandu kenderaan yang ke tempat kerja bagi arah Petaling Jaya dan Kuala Lumpur sentiasa berdoa supaya tidak ditimpa kesesakan.

Pihak berwajib jangan hanya selesa dengan kemajuan penyuraian trafik di bahagian utara bandar Klang saja. Kesesakan di 'Little India' di Jalan Tengku Kelana, iaitu bahagian selatan bandar ini

juga harus diatasi segera. Kedegilan pengunjung meletakkan kenderaan di tepi jalan adalah pelanggaran undang-undang.

Kawasan tepi jalan ini menjadi medan letak kereta percuma tanpa rasa hormat kepada pengguna lain yang melalui kawasan ini. Dari dua lorong menjadi satu lorong saja akibat kerenah mereka ini. Ditambah lagi dengan pengusaha kedai yang sengaja meletakkan barangan di kaki lima kedai dan bahu jalan menambahkan kesesakan trafik jalan ini.

Yang peliknya kenderaan diletak di tepi jalan kawasan sesak ini bermula seawal jam 10 pagi hinggalah 10 malam setiap hari jarang dikenakan saman kompaun. Namun, saman kompaun tetap dikeluarkan pada kenderaan di luar petak atau tiket letak kereta tamat di kawasan selain dari 'Little India' ini.

Pihak berkuasa sepatutnya bertegas dengan kenderaan diletakkan sewenang-wenang di tepi jalan di kawasan 'Little India' ini. Begitu juga peniaga yang sengaja menutup laluan pejalan kaki dengan barang patut diambil tindakan. Pihak berkuasa juga sepatutnya memikirkan untuk menyurairkan trafik di kawasan itu dengan menjadikannya jalan sehalu sebagai penyelesaian.

**PEMASTAUTIN
KECEWA,
Klang, Selangor.**